

PRESTASI EKONOMI DAN KERJASAMA ANTARABANGSA | 2

- 2-1 ● Perspektif Keseluruhan
- 2-2 ● Prestasi Ekonomi Global
- 2-7 ● Kerjasama Ekonomi Antarabangsa
- 2-14 ● Prospek 2016

Perspektif Keseluruhan

Pertumbuhan global sederhana

Pertumbuhan global dijangka kekal sederhana pada tahun 2015 dengan peningkatan marginal ekonomi negara maju serta pertumbuhan lebih perlahan di pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun. Aktiviti ekonomi global akan disokong oleh pengembangan berterusan di AS dan UK serta keadaan yang beransur pulih di kawasan euro dan Jepun. Pertumbuhan ekonomi di negara maju disokong oleh dasar monetari dan fiskal yang akomodatif di kawasan euro dan Jepun, penurunan harga minyak, peningkatan keyakinan pengguna serta keadaan pasaran buruh yang lebih baik di AS dan kawasan euro. Sebaliknya, penurunan harga minyak dan komoditi strategik yang lain dijangka memberi kesan kepada pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun, terutamanya bagi pengeksport komoditi. Pertumbuhan China dijangka berkembang dengan perlahan dalam keadaan China berusaha untuk mengimbangi semula ekonomi bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pengembangan kredit dan pelaburan yang pesat. Sementara itu, pertumbuhan kukuh di India dan ekonomi ASEAN pula merupakan penunjuk yang baik untuk ekonomi global.

Dalam tempoh separuh pertama (H1) 2015, pengembangan ekonomi negara maju terus berada pada kadar sederhana, diterajui oleh AS dan UK. Walaupun terdapat tekanan berikutan musim sejuk yang buruk pada suku pertama dan nilai dolar yang lebih kukuh, ekonomi AS mencatat pertumbuhan menggalakkan, terutamanya didorong oleh peningkatan dalam penggunaan swasta dan pelaburan rumah kediaman. Pertumbuhan di UK terus disokong oleh sektor perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan perniagaan dan kewangan serta penggunaan isi rumah. Pertumbuhan lebih baik dicatatkan di kawasan euro, hasil daripada dasar pengembangan monetari oleh Bank Pusat Eropah (ECB), harga minyak global yang lebih rendah, perbelanjaan isi rumah yang meningkat dan kelemahan nilai euro yang meningkatkan eksport. Krisis ekonomi dan politik di Greece tidak begitu menjejaskan aktiviti ekonomi benar di kawasan euro tetapi menyumbang kepada volatiliti pasaran kewangan global. Ekonomi Jepun menguncup disebabkan penggunaan dan pelaburan swasta yang lemah, serta eksport yang lebih perlahan berikutan permintaan lembap, terutamanya dari AS dan China.

Dalam kalangan ekonomi pesat berkembang, pertumbuhan adalah lebih perlahan disebabkan harga komoditi yang terus rendah, sesakan struktur dan impak pengimbangan semula di China. Ekonomi China disokong oleh pertumbuhan perkhidmatan kewangan yang kukuh, dalam keadaan dasar monetari yang berkembang, manakala pelaburan meningkat secara sederhana. India mencatat pertumbuhan kukuh lanjutan daripada langkah liberalisasi pelaburan yang telah meningkatkan keyakinan perniagaan dan

pelabur serta menarik aliran masuk modal baru. Ekonomi Rusia menguncup disebabkan harga minyak yang rendah serta ketegangan geopolitik dan sekatan ekonomi yang berterusan. Sementara itu, pertumbuhan lembap KDNK di Brazil adalah berikutan kemerosotan pelaburan dalam persekitaran keyakinan perniagaan yang semakin berkurangan. Ekonomi utama ASEAN, termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina mencatat pertumbuhan sederhana.

Dalam tempoh separuh kedua 2015, pertumbuhan global dijangka berterusan pada kadar sederhana, disumbang oleh peningkatan ekonomi negara maju dan pertumbuhan perlahan di pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun. Pertumbuhan di AS dijangka bertambah baik, terutamanya disebabkan oleh harga tenaga yang lebih rendah, kelonggaran syarat pembiayaan dan prestasi korporat yang lebih baik serta pasaran perumahan yang semakin kukuh. Pertumbuhan ekonomi di UK dijangka kekal kukuh, disokong oleh pengurangan harga minyak dan peningkatan penggunaan berikutan kenaikan upah. Pemulihan di kawasan euro dijangka bertambah kukuh lanjutan daripada harga minyak yang lebih rendah, nilai mata wang euro yang lemah, kelonggaran syarat kredit dan peningkatan keyakinan. KDNK Jepun dijangka meningkat secara beransur-ansur, disokong oleh pelonggaran dasar monetari serta pengurangan harga minyak dan komoditi.

China dijangka mencatat pertumbuhan lebih perlahan berikutan peralihan ke arah model pertumbuhan mapan

JADUAL 2.1

KDNK Benar bagi Negara Terpilih 2014 – 2016

	% Pertumbuhan		
	2014	2015 ¹	2016 ²
Dunia	3.4	3.1	3.6
Negara maju	1.8	2.0	2.2
Amerika Syarikat	2.4	2.6	2.8
Kawasan euro	0.9	1.5	1.6
Jepun	-0.1	0.6	1.0
Pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun	4.6	4.0	4.5
China	7.3	6.8	6.3
Republik Korea	3.3	2.7	3.2
India	7.3	7.3	7.5
ASEAN			
Singapura	2.9	2.0 – 2.5	2.9
Thailand	0.9	2.7 – 3.2	3.2
Indonesia	5.0	4.7 – 5.1	5.1
Filipina	6.1	6.0	6.3
Viet Nam	6.0	6.5	6.4
Malaysia	6.0	4.7	4.5

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: International Monetary Fund dan pihak berkuasa negara.

berasaskan penggunaan dan perkhidmatan. Sebaliknya, India dijangka terus berkembang, dipacu oleh pelaburan yang lebih tinggi dan harga komoditi yang lebih rendah. Rantau ASEAN dijangka mencatat pertumbuhan sederhana, disokong oleh perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi dan penambahbaikan dalam iklim pelaburan.

Walaupun pertumbuhan global dijangka berterusan pada kadar sederhana pada tahun 2015, beberapa risiko masih wujud. Risiko jangka masa terdekat termasuk volatiliti pasaran modal, susut nilai mata wang pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun, aliran keluar modal, kemungkinan kenaikan kadar faedah AS dan tekanan ekonomi berikutan faktor geopolitik. Risiko jangka masa sederhana terdiri daripada inflasi yang terus rendah di negara maju, pengangguran yang tinggi terutamanya di kawasan euro dan pertumbuhan perlahan di luar jangkaan di China. Tambahan pula, harga komoditi yang lebih rendah dijangka menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara membangun yang mengeksport komoditi.

Secara keseluruhan, pertumbuhan global dijangka kekal sederhana pada 3.1% bagi tahun 2015 (2014: 3.4%), disokong oleh peningkatan pertumbuhan beransur-ansur di negara maju pada 2% (2014: 1.8%), walaupun pertumbuhan lebih perlahan di pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun pada 4% (2014: 4.6%). Perdagangan dunia diunjur meningkat 2.8% pada tahun 2015 (2014: 2.5%) disokong oleh harga minyak dan komoditi yang lebih rendah serta peningkatan output global, di sebalik permintaan import yang lembap di China, Brazil dan pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun yang lain. Sementara itu, aliran FDI global dianggarkan meningkat 17% kepada USD1.4 trilion pada tahun 2015 (2014: -17%; USD1.2 trilion), dipacu oleh negara maju serta kenaikan pelaburan oleh syarikat multinasional dari negara membangun.

Prestasi Ekonomi Global

Pengembangan sederhana di pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun

Dalam tempoh H1 2015, ekonomi **AS** berkembang 2.8% (H1 2014: 2.2%), terutamanya disumbang oleh penggunaan swasta yang tinggi dan pasaran perumahan yang lebih kukuh pada suku kedua, walaupun mengalami kesan musim sejuk yang teruk dan kesesakan pelabuhan pada suku pertama. Penggunaan swasta berkembang 3.2% (H1 2014: 2.3%), disokong oleh harga minyak yang lebih rendah serta pasaran kerja yang lebih baik. Sementara itu, pelaburan rumah kediaman meningkat dengan ketara sebanyak 8.1% (H1 2014: 0.8%), mengimbangi penurunan pelaburan dalam sektor tenaga. Industri perumahan bertambah kukuh seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan unit mula dibina pada 9% (H1 2014: 5.6%) dan permit pembinaan sebanyak 13.4% (H1 2014: 4.2%). Pertumbuhan eksport berkembang dengan sederhana sebanyak 2.1% (H1 2014: 4.2%), manakala import meningkat 5.7% (H1 2014: 2.7%) berikutan kenaikan nilai dolar AS. Pertumbuhan

import disebabkan oleh peningkatan dalam perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan, serta barangan pengguna dan modal.

Dari sudut penawaran, pengeluaran perindustrian semakin lemah kepada 2.5% (H1 2014: 3.6%), terutamanya disebabkan oleh pengeluaran yang lebih rendah bagi barangan pengguna dan peralatan perniagaan dengan kadar penggunaan kapasiti kekal pada 78.6% (H1 2014: 78.8%). Penurunan ini juga ditunjukkan oleh indeks pembuatan yang lebih rendah oleh Institute for Supply Management (ISM), pada 52.6 mata (H1 2014: 54 mata). Indeks bukan pembuatan ISM meningkat kepada 56.6 mata (H1 2014: 54 mata) terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan dalam industri pemborongan, jualan runcit dan penjagaan kesihatan. Sementara itu, penurunan harga petrol telah menyebabkan deflasi pada 0.03% (H1 2014: 1.7%).

US Federal Reserve (Fed) telah mengekalkan kadar dana persekutuan antara 0% dan 0.25% sejak tahun 2008. Walau bagaimanapun, Fed dijangka menaikkan kadar tersebut menjelang akhir tahun 2015, bergantung kepada peningkatan pasaran buruh dan perubahan dalam inflasi ke sasaran 2% untuk jangka masa sederhana. Kadar pengangguran berada pada paras lebih rendah iaitu 5.4% (Januari – September 2014: 6.3%) lanjutan daripada lebih banyak peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan, profesional dan perniagaan. Pada tahun 2015, KDNK dijangka meningkat 2.6% (2014: 2.4%) dipacu oleh pelaburan perniagaan yang lebih kukuh, pasaran pekerjaan yang lebih baik, pertumbuhan dalam kadar upah benar serta peningkatan keyakinan pengguna.

Dalam tempoh H1 2015, pertumbuhan di 19 negara **kawasan euro** mencatat pengembangan sederhana sebanyak 1.4% (H1 2014: 1%) dengan pemulihan semakin kukuh di kebanyakan negara. Pertumbuhan ekonomi rantau ini disokong oleh peningkatan permintaan domestik, berserta dengan harga minyak yang rendah, nilai mata wang euro yang lebih lemah dan dasar pengembangan monetari ECB. Penggunaan isi rumah meningkat 1.8% (H1 2014: 0.7%), disokong oleh keyakinan pengguna dan keadaan pasaran buruh yang semakin baik, manakala pertumbuhan pelaburan kekal pada 1.9% (H1 2014: 1.8%). Dari segi penawaran, kebanyakan sektor mencatat pertumbuhan positif, kecuali sektor pembinaan yang telah terjejas akibat aktiviti kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan yang lebih perlahan.

Pasaran buruh terus bertambah baik, walaupun pada kadar yang berbeza-beza antara negara. Kadar pengangguran keseluruhan di rantau ini terus mengalami penurunan ke paras 11.1% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 11.7%). Sementara itu, rantau tersebut mengalami deflasi pada kadar 0.2% (Januari – Ogos 2014: 0.6%), terutamanya disebabkan oleh harga minyak yang lebih rendah. Dalam usaha untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan inflasi di rantau tersebut, ECB telah mengekalkan kadar faedah ke atas operasi pembiayaan

utama pada 0.05%, kemudahan pinjaman marginal pada 0.30% dan kemudahan deposit pada -0.20%, sejak bulan September 2014, dengan komitmen untuk mengekalkan program pelonggaran kuantitatif sehingga lewat tahun 2016.

Pada tahun 2015, pertumbuhan ekonomi di kawasan euro dijangka terus berkembang kepada 1.5% (2014: 0.9%), disumbang oleh harga minyak yang lebih rendah, nilai mata wang euro yang lebih lemah, syarat kredit yang longgar dan keyakinan terhadap ekonomi yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, kadar inflasi rendah yang berlarutan, kadar pengangguran tinggi, ketidakpastian dan penularan risiko daripada krisis kewangan dan hutang Greece, pertumbuhan lebih perlahan dalam pasaran pesat berkembang serta ketegangan geopolitik boleh menjejaskan prospek pertumbuhan.

Aktiviti ekonomi di **Jerman**, ekonomi terbesar di kawasan euro, berkembang walaupun pada kadar sederhana sebanyak 1.4% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 1.9%). Pertumbuhan ini telah diterajui oleh perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi, disokong oleh pertumbuhan berterusan bagi kadar upah benar, serta peluang pekerjaan yang lebih baik dan kadar faedah yang lebih rendah. Kedua-dua penggunaan swasta dan awam meningkat 2.1% (H1 2014: 1%; 0.8%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan pelaburan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.4% (H1 2014: 5.6%) disebabkan pelaburan lebih rendah dalam aktiviti pembinaan serta jentera dan kelengkapan, berikutan keyakinan perniagaan yang lemah. Bagi sektor luaran, aktiviti perdagangan kekal kukuh dengan eksport berkembang 5.6% (H1 2014: 3.2%) lanjutan daripada nilai mata wang euro yang lebih lemah, manakala import meningkat 5.6% (H1 2014: 3.8%) disebabkan penggunaan yang lebih tinggi.

Dari segi penawaran, prestasi berbeza-beza telah dicatatkan antara sektor. Sektor perkhidmatan terus memacu pertumbuhan, walaupun pada kadar yang lebih perlahan, dengan kebanyakan subsektor mencatat pertumbuhan positif, kecuali kewangan dan insurans. Pertumbuhan dalam pengeluaran perindustrian kembali pulih menjadi positif pada 1.2% (H1 2014: -0.1%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran tenaga dan pengembangan sederhana dalam sektor pembuatan. Walau bagaimanapun, output sektor pembinaan menguncup 1% (H1 2014: 7%) disebabkan pengurangan dalam pembinaan bangunan serta kerja kejuruteraan awam dan bawah tanah. Sementara itu, inflasi mencatat kadar lebih rendah pada 0.1% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 0.9%) terutamanya disebabkan oleh harga minyak yang rendah. Pasaran buruh bertambah kukuh dengan kadar pengangguran mengalami penurunan ke paras 4.7% (Januari – Ogos 2014: 5%), yang merupakan kadar paling rendah di kawasan euro. Pada tahun 2015, pertumbuhan di Jerman dijangka kekal pada 1.5% (2014: 1.6%) disokong oleh harga minyak yang lebih rendah, syarat pembiayaan yang lebih longgar, nilai mata wang euro yang lebih lemah serta pasaran buruh yang kukuh.

JADUAL 2.2

Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih 2014 – 2015

	% Pertumbuhan	
	2014	2015 ¹
Dunia	3.5	3.3
Negara maju	1.4	0.3
Amerika Syarikat	1.6	0.1
Kawasan euro	0.4	0.2
Jepun	2.7	0.7
Pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun	5.1	5.6
China	2.0	1.5
Republik Korea	1.3	0.7
India	5.9	5.4
ASEAN		
Singapura	1.0	0.0
Thailand	1.9	-0.9
Indonesia	6.4	6.8
Filipina	4.2	1.9
Viet Nam	4.1	2.2
Malaysia	3.1	2.4

¹ Anggaran.

Sumber: International Monetary Fund dan pihak berkuasa negara.

Dalam tempoh H1 2015, KDNK **Perancis** meningkat 1% (H1 2014: 0.3%), terutamanya disebabkan oleh permintaan domestik yang bertambah baik. Penggunaan isi rumah kembali mencatat pertumbuhan positif kepada 2.2% (H1 2014: -0.2%), disokong oleh peningkatan kadar upah yang mapan, penurunan harga tenaga serta inflasi yang rendah. Walau bagaimanapun, aktiviti pelaburan terus lembap berikutan peniaga berhati-hati terhadap persekitaran ekonomi serta daya saing global yang telah merosot bagi pengeksport.

Dari segi penawaran, output perindustrian kembali pulih kepada 1% (H1 2014: -1.1%), terutamanya disumbang oleh output pembuatan yang lebih tinggi serta peningkatan pengeluaran dalam subsektor perlombongan dan kuari. Sebaliknya, pertumbuhan sektor pembinaan menguncup dengan ketara sebanyak 5.7% (H1 2014: 1.4%) disebabkan penangguhan pelaburan modal tetap berskala besar. Sementara itu, jualan runcit meningkat 2.8% (H1 2014: 1.6%) lanjutan daripada kelonggaran terhadap sekatan mulai bulan Februari 2015 yang membolehkan peruncit berniaga pada hari Ahad sehingga tengah malam, terutamanya di kawasan tarikan pelancong.

Kadar inflasi kekal mendatar pada 0% (Januari – Ogos 2014: 0.7%) disebabkan harga produk petroleum yang lebih rendah. Pasaran buruh terus lemah dengan kadar pengangguran kekal tinggi pada 10.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 10.2%) dalam persekitaran prospek pekerjaan yang tidak menentu. Dalam usaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan, terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana, kerajaan

telah mengumumkan beberapa langkah untuk melonggarkan keperluan kawal selia dan mengurangkan beban cukai. Usaha ini bertujuan menangani masalah struktur tegar yang tidak menggalakkan perniagaan untuk terus berkembang. Pada tahun 2015, pertumbuhan KDNK dijangka lebih tinggi pada 1.2% (2014: 0.2%), terutamanya disokong oleh peningkatan perbelanjaan penggunaan.

Ekonomi **UK** berkembang dengan stabil pada 2.8% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 2.9%), terutamanya dipacu oleh prestasi kukuh dalam sektor perkhidmatan dan penggunaan swasta yang lebih tinggi. Sektor perkhidmatan berkembang dengan lebih kukuh sebanyak 3% (H1 2014: 2.8%), terutamanya disebabkan oleh subsektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan serta pengedaran, hotel dan restoran. Sementara itu, sektor pembinaan mencatat pertumbuhan sederhana pada kadar 3.5% (H1 2014: 10%), berikutan aktiviti pembinaan rumah dan kejuruteraan awam yang lebih perlahan. Pertumbuhan sederhana ini juga dicerminkan oleh Indeks Pengurus Pembelian (PMI) untuk pembinaan yang jatuh kepada 57.6 mata (H1 2014: 62.2 mata). Tambahan pula, pertumbuhan output perindustrian sederhana kepada 1.2% (H1 2014: 2.1%) disebabkan aktiviti pembuatan yang lembap berikutan permintaan yang lebih rendah daripada negara Eropah dan harga eksport yang lebih tinggi disebabkan peningkatan nilai mata wang pound sterling. Selaras dengan ini, PMI pembuatan jatuh kepada 52.7 mata (H1 2014: 56.4 mata).

Dari segi permintaan, keyakinan pengguna yang bertambah baik, kenaikan upah dan inflasi rendah menyebabkan penggunaan isi rumah meningkat kukuh sebanyak 3.4% (H1 2014: 2.2%). Keadaan pasaran buruh bertambah baik dengan trend kadar pengangguran menurun kepada 5.6% (Januari – Julai 2014: 6.5%), terutamanya disebabkan oleh inisiatif kerajaan untuk mengurangkan pengangguran jangka masa panjang. Sementara itu, inflasi berada pada kadar lebih rendah pada 0.1% (Januari – Ogos 2014: 1.7%) disebabkan penurunan harga tenaga, pakaian dan makanan. Bank of England telah mengekalkan kadar dasar pada 0.50% sejak bulan Mac 2009 untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi di UK dijangka berkembang sederhana sebanyak 2.5% pada tahun 2015 (2014: 3%) berikutan prestasi perdagangan yang lemah dan sektor perkhidmatan yang semakin perlahan.

Dalam tempoh H1 2015, **Jepun** mencatat pertumbuhan sifar (H1 2014: 1%) berikutan aktiviti sektor swasta yang lemah. Penggunaan swasta menguncup 1.9% (H1 2014: 0.3%) terutamanya disebabkan oleh jualan kenderaan dan perbelanjaan isi rumah yang lebih rendah. Pelaburan swasta berkurangan dengan ketara kepada 0.1% (H1 2014: 6.6%) dalam persekitaran pertumbuhan marginal bagi perbelanjaan jentera dan pembinaan. Eksport berkembang pada kadar lebih perlahan kepada 4.4% (H1 2014: 7.4%) disebabkan permintaan yang lebih rendah dari AS dan China, walaupun nilai mata wang yen lebih lemah.

Pertumbuhan import berkembang dengan sangat perlahan pada 0.3% (H1 2014: 10.4%) disebabkan kelembapan permintaan untuk barangan pengguna, terutamanya tekstil dan produk berkaitan IT.

Aktiviti pembuatan berkembang dengan sederhana, seperti ditunjukkan oleh PMI yang lebih rendah pada purata 50.8 mata (H1 2014: 52.8 mata), sebahagiannya disebabkan oleh penurunan dalam pengeluaran kelengkapan pengangkutan serta besi dan keluli. Inflasi mencatat kadar lebih rendah pada 1.1% (Januari – Ogos 2014: 2.7%), terutamanya disebabkan oleh keengganan pengguna untuk meningkatkan perbelanjaan berserta penurunan kos bahan api dan juga pengangkutan dan perhubungan. Kadar pengangguran lebih rendah pada 3.4% (H1 2014: 3.6%) terutamanya disumbang oleh pewujudan pekerjaan yang berterusan di samping firma mengambil lebih ramai pekerja sementara. Bank of Japan mengekalkan kadar dasar pada 0% untuk merangsang penggunaan dan aktiviti pelaburan. KDNK Jepun dijangka meningkat kepada 0.6% pada tahun 2015 (2014: -0.1%), terutamanya disokong oleh pemulihan pelaburan perniagaan dan penggunaan isi rumah.

KDNK **China** berkembang 7% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 7.4%) disumbang oleh prestasi kukuh dalam sektor perkhidmatan yang telah mengurangkan impak daripada kelembapan aktiviti pembuatan dan pelaburan. Sektor perkhidmatan berkembang 8.4% (H1 2014: 8%) dipacu oleh subsektor perkhidmatan kewangan, terutamanya peningkatan dalam aktiviti broker. Sektor pembuatan kekal lemah dengan PMI mencatat 50.1 mata (H1 2014: 50.4 mata) disebabkan lebihan kapasiti dalam industri keluli dan simen. Lebihan kapasiti ini berpunca daripada penjualan kereta dan pembinaan kediaman yang berkurangan.

Dari sudut permintaan, pelaburan dalam aset tetap berkembang dengan kadar yang lebih perlahan pada 12.5% (H1 2014: 16.3%), terutamanya disokong oleh perbelanjaan kerajaan ke atas kemudahan awam khususnya sistem jalan raya dan pengangkutan rel. Pelaburan dalam pembangunan hartanah adalah lebih rendah pada 5.7% (H1 2014: 13.1%) dalam situasi rumah pangsa tidak terjual serta penangguhan peluasan kilang sedia ada dan pembinaan kilang baharu. Sementara itu, eksport terus berkembang pada kadar marginal sebanyak 1% (H1 2014: 0.9%) akibat permintaan lemah daripada rakan dagangan utama, khususnya kawasan euro dan Jepun. Import menguncup dengan ketara sebanyak 15.5% (H1 2014: 1.5%), terutamanya disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi serta permintaan berkurangan untuk bijih besi dan arang batu. Penggunaan swasta semakin perlahan disebabkan peningkatan ketidakpastian dalam pasaran perumahan dan volatiliti dalam pasaran saham.

Inflasi mencatat kadar yang lebih rendah pada 1.4% (Januari – Ogos 2014: 2.2%), lanjutan daripada harga tenaga yang lebih rendah dan kenaikan harga makanan yang lebih sederhana. Pada bulan Ogos 2015, People's Bank of China (PBOC) menurunkan nilai mata wang renminbi sebanyak lebih kurang 3% berbanding dolar AS

supaya kadar pertukaran lebih berorientasikan pasaran. Selain itu, PBOC mengurangkan kadar dasar untuk kali keempat pada tahun 2015, daripada 5.60% pada bulan Februari kepada 4.80% pada bulan Ogos, bertujuan merangsang permintaan domestik dan mengurangkan kos pinjaman. Begitu juga dengan nisbah rizab dikurangkan daripada 20% kepada 18% untuk meningkatkan pengaliran tunai dalam pasaran. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi China dijangka lebih rendah pada 6.8% pada tahun 2015 (2014: 7.3%) berikutan peralihan China ke arah model ekonomi yang lebih mapan, iaitu daripada pembuatan, pelaburan dan eksport kepada perkhidmatan dan penggunaan.

Pertumbuhan ekonomi di **Republik Korea (ROK)** lebih sederhana kepada 2.3% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 3.7%), terutamanya disebabkan oleh penggunaan swasta yang lemah dan eksport yang berkurang. Penggunaan swasta adalah lebih rendah pada 1.5% (H1 2014: 2%) akibat Middle East Respiratory Syndrome (MERS). Keyakinan pengguna berkurang seperti yang ditunjukkan oleh indeks sentimen pengguna komposit yang lebih rendah pada 102.3 mata (H1 2014: 107.5). Sementara itu, eksport menguncup dengan ketara sebanyak 10.6% (H1 2014: 4.1%) terutamanya disebabkan oleh mata wang won yang semakin kukuh dan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan.

Dari sudut penawaran, sektor pembuatan terjejas teruk dan hanya mencatat pertumbuhan marginal 0.6% (H1 2014: 5.1%) kesan daripada pertumbuhan lebih perlahan dalam pengeluaran telefon bimbit dan kenderaan. Sementara itu, pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal 3.1% (H1 2014: 3.1%) diterajui oleh peningkatan dalam subsektor kewangan dan insurans serta hartanah dan sewaan. Kadar pengangguran meningkat sedikit pada 3.7% (Januari – Julai 2014: 3.6%) berikutan pemberhentian kerja dalam sektor pertanian meskipun terdapat pewujudan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan. Inflasi berkurang 0.8% (Januari – Julai 2014: 1.3%) akibat permintaan pengguna yang lemah serta kejatuhan harga tenaga dan produk pertanian. Bank of Korea mengurangkan kadar dasar sebanyak dua kali berjumlah 50 mata asas kepada 1.50% dalam tempoh H1 2015. Tambahan pula, pada bulan Jun 2015, kerajaan Korea mengumumkan langkah rangsangan berjumlah USD20 bilion bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi. Langkah rangsangan ini termasuk bajet tambahan, peningkatan pelaburan oleh syarikat berkaitan kerajaan dan kredit tambahan bagi pengeksport. Secara keseluruhan, ROK diunjur mencatat pertumbuhan ekonomi lebih perlahan pada 2.7% pada tahun 2015 (2014: 3.3%) terutamanya disebabkan oleh kesan krisis MERS.

India mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 7.3% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 5.2%), terutamanya disokong oleh peningkatan kukuh penggunaan swasta pada 7.7% (H1 2014: 6.9%). Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan permintaan pengguna bandar yang mendapat manfaat daripada penurunan harga diesel dan petrol,

mengimbangi permintaan yang lemah daripada pengguna luar bandar. Pelaburan meningkat 4.5% (H1 2014: 3.1%), hasil daripada langkah liberalisasi pelaburan untuk menarik FDI. Sektor pembuatan mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 7.8% (H1 2014: 1.1%), disebabkan pengeluaran yang lebih tinggi bagi *hot-rolled sheets* serta konduktor aluminium. Sektor pembinaan turut meningkat 4.2% (H1 2014: 3.9%) dipacu oleh peningkatan dalam pengeluaran simen dan penggunaan keluli siap. Sementara itu, aktiviti perlombongan mencatat pertumbuhan 3.2% (H1 2014: 1.7%) disebabkan pengeluaran arang batu yang lebih tinggi. Ekonomi India juga mendapat manfaat daripada pertumbuhan kukuh dalam sektor perkhidmatan pada 9.3% (H1 2014: 6.6%), terutamanya disumbang oleh subsektor perdagangan, hotel, pengangkutan, komunikasi dan penyiaran perkhidmatan, yang berkembang 13.5% (H1 2014: 11%). Walau bagaimanapun, sektor pertanian mencatat pertumbuhan perlahan sebanyak 0.3% (H1 2014: 3.5%), akibat taburan hujan yang tidak menentu dan telah menjejaskan pengeluaran tanaman. Eksport menguncup dengan ketara sebanyak 16.3% (H1 2014: 4.7%), terutamanya disebabkan oleh kemerosotan pendapatan daripada produk petroleum memandangkan harga minyak yang lebih rendah. Import juga merosot 13% (H1 2014: 9.4%) kesan daripada kejatuhan nilai mata wang rupee yang membawa kepada penguncupan import minyak, arang batu, bahan kimia serta mutiara dan batu permata.

Indeks harga borong mencatat deflasi 2.1% (H1 2014: 5.5%) berikutan kejatuhan harga petrol dan makanan terutamanya sayur-sayuran. Reserve Bank of India telah mengurangkan kadar dasar *repo* utama sebanyak empat kali sejak bulan Januari 2015 iaitu sebanyak 125 mata asas kepada 6.75% dalam keadaan tekanan inflasi yang semakin rendah dan juga untuk merangsang aktiviti pelaburan dan penggunaan. Pertumbuhan KDNK India pada tahun 2015 diunjur kekal pada 7.3% (2014: 7.3%) berikutan harga minyak yang lebih rendah serta langkah kerajaan untuk meliberalisasi FDI yang dijangka membawa kepada peningkatan pelaburan yang lebih kukuh.

Ekonomi **Australia** mencatat pertumbuhan sederhana 2.2% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 3.3%), terutamanya disebabkan oleh pengurangan aktiviti pembinaan dan pelaburan perniagaan serta penggunaan yang lemah. Penguncupan sektor pembinaan pada 6.1% (H1 2014: 1%), terutamanya disebabkan oleh pengurangan aktiviti kejuruteraan pada 14.6% (H1 2014: -2.7%). Kadar pengangguran meningkat secara marginal kepada 6.2% (Januari – Julai 2014: 6%) akibat pemberhentian pekerja dalam sektor perlombongan dan pembuatan. Inflasi mengalami trend penurunan kepada 1.4% (H1 2014: 3%) disebabkan harga lebih rendah bagi perjalanan dan penginapan percutian, pakaian dan kasut, pengangkutan serta komunikasi. Reserve Bank of Australia telah mengurangkan kadar dasar sebanyak dua kali sejak bulan Februari 2015 iaitu sebanyak 50 mata asas kepada 2.00% untuk menyokong penggunaan dan

pelaburan swasta. Pada tahun 2015, pertumbuhan KDNK di Australia dijangka perlahan pada 2.4% (2014: 2.7%), kesan daripada harga komoditi yang lebih rendah dan pelaburan berkaitan sumber yang berkurangan walaupun dasar monetari akomodatif dilaksanakan.

Dalam tempoh H1 2015, ekonomi ASEAN mencatat prestasi yang berbeza-beza dalam persekitaran luar yang mencabar berikutan pertumbuhan perlahan di China serta harga minyak dan komoditi yang lebih rendah. Thailand dan Viet Nam khususnya, mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi manakala ekonomi utama yang lain mencatat pertumbuhan sederhana.

KDNK **Indonesia** berkembang pada kadar lebih perlahan 4.7% (H1 2014: 5.1%) disebabkan permintaan domestik yang sedikit lemah beserta penguncupan eksport. Pertumbuhan penggunaan isi rumah meningkat sederhana kepada 5% (H1 2014: 5.6%) berikutan ketidakpastian pasaran buruh dan kebimbangan terhadap kewangan peribadi. Eksport terus menguncup 0.5% (H1 2014: -0.7%) disebabkan kelemahan permintaan global dan harga komoditi yang semakin rendah. Walau bagaimanapun, ekonomi disokong oleh pengembangan sektor perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan pendidikan serta maklumat dan komunikasi. Perkhidmatan pendidikan meningkat 9.1% (H1 2014: 5.3%), manakala perkhidmatan maklumat dan komunikasi berkembang 9.8% (H1 2014: 10.1%). Inflasi mencatat 6.9% (Januari – September 2014: 6.4%) berikutan penurunan harga minyak dan komoditi. Bank Indonesia telah menurunkan kadar dasar daripada 7.75% kepada 7.50% pada bulan Februari 2015 untuk mengurangkan tekanan inflasi serta menguruskan defisit akaun semasa. Secara keseluruhan, pertumbuhan bagi tahun 2015 dianggarkan antara 4.7% dan 5.1% (2014: 5%) disokong oleh pembaharuan struktur kerajaan yang dilaksanakan melalui pelbagai pakej dasar ekonomi dan projek infrastruktur.

Pertumbuhan ekonomi **Filipina** berkembang sederhana sebanyak 5.3% (H1 2014: 6.2%), berikutan kelembapan sektor pertanian, industri dan perkhidmatan. Sektor pertanian berkembang sebanyak 0.3% (H1 2014: 1.9%), terutamanya disebabkan oleh kesan El Nino yang menjejaskan subsektor perikanan dan perhutanan. Sementara itu, sektor industri berkembang sederhana sebanyak 5.8% (H1 2014: 7.3%) dan sektor perkhidmatan pada 5.8% (H1 2014: 6.3%). Dari segi permintaan, pelaburan meningkat dengan ketara sebanyak 14.3% (H1 2014: 10.6%), lanjutan daripada peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan terutamanya bagi jentera dan peralatan serta pembinaan. Inflasi berada pada paras 1.8% (Januari – September 2014: 3.2%) disebabkan harga minyak dan gas yang lebih rendah. Banko Sentral ng Pilipinas mengekalkan kadar dasar pada 4.00% sejak bulan September 2014 bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Ekonomi Filipina dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 6% pada tahun 2015 (2014: 6.1%) disumbang oleh pengembangan penggunaan swasta.

Dalam tempoh H1 2015, KDNK **Thailand** berkembang 2.9% (H1 2014: 0.2%), disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam pelaburan awam, pelancongan serta penggunaan awam dan swasta. Pelaburan awam melonjak 31.3% (H1 2014: -10.2%), terutamanya dalam projek kejuruteraan awam. Eksport perkhidmatan meningkat semula kepada pertumbuhan dua angka pada 19.2% (H1 2014: -5.4%), terutamanya disumbangkan oleh subsektor pelancongan. Tambahan pula, penggunaan awam meningkat 4% (H1 2014: 2.5%) dan penggunaan swasta meningkat 2% (H1 2014: -1%). Dari aspek pengeluaran, sektor pembinaan serta subsektor hotel dan restoran mencatat pertumbuhan kukuh. Pertumbuhan sektor pembinaan meningkat semula dengan kukuh 20.1% (H1 2014: -7.6%), terutamanya disebabkan oleh kerja-kerja awam. Begitu juga dengan subsektor hotel dan restoran yang pulih dengan kukuh dan berkembang pada 16% (H1 2014: -4.6%) hasil daripada peningkatan ketibaan pelancong sebanyak 14.9 juta (H1 2014: 11.7 juta). Walau bagaimanapun, sektor pertanian menguncup 5.3% (H1 2014: 3%) akibat kemarau berpanjangan sejak bulan November 2014. Penurunan harga tenaga dan makanan menyebabkan deflasi 0.9% (Januari – September 2014: 2.2%). Pada bulan April 2015, Bank of Thailand menurunkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas kepada 1.50% untuk terus menyokong pemulihan ekonomi. Pada tahun 2015, KDNK Thailand diunjur berkembang antara 2.7% dan 3.2% (2014: 0.9%) disumbang oleh peningkatan perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan kukuh dalam subsektor pelancongan.

Ekonomi **Singapura** berkembang pada kadar sederhana 2.3% (H1 2014: 3.5%) disebabkan penguncupan sektor pembuatan 3.7% (H1 2014: 5.5%), terutamanya dalam kluster kejuruteraan pengangkutan dan pembuatan bioperubatan. Walau bagaimanapun, pengembangan sebanyak 3.8% (H1 2014: 3.2%) dalam sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor kewangan dan insurans serta subsektor perdagangan borong dan runcit telah menyokong pertumbuhan. Deflasi mencatat 0.4% (Januari – Ogos 2014: 1.5%), terutamanya disebabkan oleh pengurangan kos minyak, kereta dan sewaan serta kesan langkah belanjawan, seperti peningkatan subsidi perubatan dan pelepasan bayaran yuran peperiksaan kebangsaan. Unjuran pertumbuhan bagi tahun 2015 adalah antara 2% dan 2.5% (2014: 2.9%) disokong oleh peningkatan dalam sektor berorientasikan eksport terutamanya kewangan dan insurans serta perdagangan borong.

KDNK **Viet Nam** meningkat 6.3% (H1 2014: 5.2%), terutamanya disebabkan oleh sektor industri dan pembinaan yang meningkat 9.1% (H1 2014: 5.3%). Peningkatan sektor ini dipacu oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor pembuatan pada 10% serta perlombongan dan kuari pada 8.2%. Pertumbuhan juga disokong oleh sektor perkhidmatan yang berkembang 5.9% (H1 2014: 6%), terutamanya bagi perdagangan runcit. Sementara itu, eksport berkembang 9.3% (H1 2014: 14.9%), terutamanya disumbang oleh permintaan dari AS dan EU. Inflasi adalah lebih rendah pada 0.7% (Januari – September 2014: 4.6%) disebabkan kejatuhan harga makanan yang berterusan. State Bank of Vietnam mengekalkan kadar dasar pada

6.50% sejak bulan Mac 2014 untuk terus menyokong aktiviti ekonomi. Secara keseluruhan, Viet Nam dijangka mencatat pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh pada kadar 6.5% pada tahun 2015 (2014: 6%).

Ekonomi **Myanmar** dijangka kekal tinggi pada 8.5% pada tahun 2015 (2014: 8.5%), disokong oleh peningkatan aliran masuk FDI, terutamanya dalam industri hidrokarbon dan tenaga. Pengembangan yang kukuh dalam telekomunikasi juga dijangka meningkatkan pertumbuhan. Sementara itu, KDNK **Kemboja** diunjur kekal 7% pada tahun 2015 (2014: 7%), terutamanya dipacu oleh eksport dan FDI yang lebih kukuh dalam keadaan politik yang lebih stabil. Pertumbuhan juga dijangka akan disokong oleh aktiviti pelancongan dan pembinaan.

Pada tahun 2015, **Lao PDR** dianggar mencatat pertumbuhan mapan pada 7.5% (2014: 7.4%) disebabkan penggunaan swasta yang lebih kukuh dan pelaksanaan projek pembangunan perlombongan dan kuasa hidro. Sementara itu, pelonggaran langkah konsolidasi fiskal dan pertambahan kemudahan kredit serta pengukuhan permintaan serantau dijangka terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Di **Brunei**, KDNK diunjur merosot 1.2% pada tahun 2015 (2014: -2.3%) disebabkan pengeluaran minyak dan gas yang lebih rendah akibat medan minyak yang kurang memberikan hasil, penutupan medan minyak untuk tempoh yang lama bagi tujuan penyelenggaraan serta penguatkuasaan dasar susutan minyak. Secara keseluruhan pada tahun 2015, rantau ASEAN dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada 5.4% (2014: 4.7%).

Pertumbuhan ekonomi **Rusia** menguncup 3.4% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 0.7%) disebabkan kejatuhan harga minyak, ketegangan geopolitik dan sekatan ekonomi. Faktor-faktor ini telah menjejaskan pelaburan, eksport, perbelanjaan isi rumah dan perniagaan serta pengeluaran perindustrian. Pelaburan menguncup 8.1% (H1 2014: -3.2%), terutamanya disebabkan oleh penangguhan pelaksanaan projek infrastruktur berskala besar dan pengurangan pelaburan swasta. Eksport merudum 30.5% (Januari – Julai 2014: 1.7%) lanjutan daripada sekatan ekonomi yang berpanjangan oleh AS dan EU. Dari sudut penawaran, pengeluaran perindustrian merosot 3.1% (Januari – Ogos 2014: 1.3%) berikutan pengeluaran yang lebih rendah dalam sektor pembuatan, perlombongan dan utiliti. Walaupun terdapat penurunan mendadak dalam aktiviti ekonomi, kadar pengangguran hanya meningkat secara marginal kepada 5.6% (Januari – Ogos 2014: 5.2%), disebabkan langkah sektor swasta mengurangkan masa bekerja dan gaji, tanpa memberhentikan pekerja. Perniagaan runcit menguncup 3% (Januari – Ogos 2014: 5.2%), lanjutan daripada pengguna mengurangkan perbelanjaan disebabkan penurunan dalam upah benar. Inflasi melonjak 16% (Januari – September 2014: 7.2%) kesan daripada kenaikan harga makanan. Central Bank of the Russian Federation mengurangkan kadar dasar sebanyak lima kali dengan jumlah sebanyak empat mata peratusan daripada 15.00% pada bulan Januari kepada 11.00% pada bulan Julai 2015 untuk merancakkan kembali

aktiviti ekonomi. Pertumbuhan Rusia diunjur menguncup 3.8% bagi tahun 2015 (2014: 0.6%) kesan daripada impak harga komoditi yang rendah, lanjutan sekatan oleh AS dan EU serta larangan import.

Pertumbuhan KDNK **Brazil** menguncup 2.1% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 0.8%), berikutan usaha kerajaan mengurangkan defisit fiskal dan meningkatkan hasil. Perbelanjaan awam yang lebih rendah, kenaikan cukai serta kadar faedah yang lebih tinggi memberi kesan terhadap keyakinan pengguna yang menyebabkan penggunaan swasta berkurangan. Pertumbuhan dalam sektor perindustrian terus menguncup 4.1% (H1 2014: -0.3%) berikutan aktiviti yang lebih perlahan dalam industri minyak dan gas, serta pembinaan. Eksport merosot 0.2% (H1 2014: -0.03%) lanjutan daripada penurunan permintaan dari China dan harga komoditi yang rendah. Import juga merosot 0.2% (H1 2014: -0.04%) disebabkan nilai mata wang real yang lebih lemah berbanding dolar AS. Inflasi meningkat 8.6% (Januari – September 2014: 6.3%) kesan daripada kenaikan tarif elektrik dan kos pengangkutan awam. Kadar pengangguran meningkat 6.6% (Januari – Ogos 2014: 4.9%) disebabkan kehilangan pekerjaan, terutamanya dalam industri pembuatan dan sektor perkhidmatan. Kemerosotan ekonomi dan isu politik tempatan telah menyebabkan Brazil mendapat penarafan kredit yang lebih rendah dan seterusnya kehilangan status gred pelaburan. Sejak bulan Januari 2015, Banco Central Do Brasil telah menaikkan kadar dasar sebanyak enam kali dengan jumlah dua mata peratusan kepada 14.25% untuk membendung inflasi. Pada tahun 2015, KDNK Brazil dijangka menguncup 3% (2014: 0.1%), lanjutan daripada langkah penjimatan untuk pengurangan perbelanjaan awam serta peningkatan cukai dan kadar faedah.

Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Memantapkan lagi kerjasama antarabangsa

Kerjasama erat dalam kalangan negara serta organisasi antarabangsa dan serantau adalah penting untuk meningkatkan kecekapan pasaran, mengurangkan limpahan negatif, menguruskan risiko utama serta mencapai pertumbuhan mapan dan seimbang. Dalam hal ini, kerjasama Malaysia dengan ekonomi serantau seperti forum ASEAN, ASEAN+3 dan APEC telah membolehkan penyelarasan dasar dilaksanakan dengan lebih baik dan seterusnya mengukuhkan integrasi ekonomi. Penglibatan Malaysia dalam organisasi antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kumpulan Bank Dunia (WBG), Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Bank Pembangunan Islam (IDB) juga telah membolehkan negara mendapat manfaat daripada khidmat nasihat dan inisiatif binaupaya. Sementara itu, Malaysia turut terlibat dalam penubuhan Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB) sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyokong pembangunan infrastruktur di Asia. Tambahan pula, usaha untuk menjalin hubungan dua hala, seperti perjanjian perdagangan bebas, bertujuan menyelaraskan kaedah dan

peraturan serta meningkatkan akses perdagangan dan pelaburan. Semua kerjasama ini akhirnya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Dalam perubahan persekitaran ekonomi yang pesat, **IMF** sentiasa menggalakkan usaha untuk mencapai kestabilan ekonomi dan kewangan global. IMF melaksanakan mandatnya melalui tiga cara, iaitu pengawasan, bantuan kewangan dan sokongan teknikal.

Di Malaysia, IMF terlibat dalam menjalankan pengawasan ekonomi dan kewangan tahunan, seperti dimandatkan oleh Artikel IV, Perjanjian IMF. Tabung tersebut juga bekerjasama dengan Malaysia bagi menyediakan program bantuan teknikal dan latihan untuk peningkatan binaupaya pegawai sektor awam dalam pelbagai bidang. Antara program bantuan teknikal yang telah diadakan pada tahun 2014 ialah Pelaksanaan GST di Malaysia, Outcome-Based Budgeting serta Pembangunan Kapasiti bagi Pejabat Dasar Fiskal mengenai Analisis dan Unjuran Fiskal. Tambahan pula, Malaysia dan IMF telah menyelesaikan misi Tax Administration Diagnostic Assessment Tool (TADAT) pada bulan Ogos 2015. TADAT bertujuan memberi penilaian objektif ke atas kekuatan dan kelemahan relatif sistem pentadbiran cukai negara yang merangkumi cukai teras, termasuk cukai pendapatan korporat, cukai pendapatan individu dan cukai nilai tambah atau yang setara dengannya. Selain itu, Malaysia dan IMF juga dijadual menganjurkan satu persidangan pada bulan November 2015 di Putrajaya yang memberi tumpuan kepada integrasi serantau, pengukuhan kewangan dan pembangunan institusi di rantau ASEAN. Persidangan ini akan melibatkan peserta termasuk pegawai kerajaan, kumpulan pemikir dan ahli akademik dari negara ASEAN serta penceramah terkemuka dan dianjurkan selaras dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2015.

WBG terus komited untuk membantu negara anggota, terutamanya negara membangun bagi mengurangkan kemiskinan tegar dan menggalakkan perkongsian

kemakmuran secara lebih saksama. Selain itu, bagi menggalakkan pembangunan ekonomi mapan, WBG juga memberi tumpuan khas kepada isu pembangunan yang kritikal, termasuk perdagangan, infrastruktur, kesihatan, pengurusan risiko, bencana alam sekitar serta isu yang berkaitan dengan sumber dana. WBG bersama World Health Organisation (WHO), badan bukan kerajaan dan rakan kerjasama lain yang berkaitan terlibat dalam membendung dan membasmi wabak Ebola yang melanda Afrika pada tahun 2014. Dalam hal ini, WBG telah menubuhkan Ebola Recovery and Reconstruction Trust Fund dan telah mengumpul sejumlah USD1.6 bilion sehingga bulan Julai 2015. Dalam memastikan persediaan dan tindak balas yang lebih baik terhadap wabak penyakit pada masa hadapan, WBG sedang membangunkan Pandemic Emergency Facility baharu untuk membolehkan penyaluran dana dengan pantas apabila berlakunya penularan wabak penyakit. Bagi menyokong inisiatif WBG, jumlah pembiayaan WBG bagi tahun kewangan 2015 mencapai paras tertinggi sebanyak USD63 bilion (2014: USD59 bilion).

Di Malaysia, WBG terlibat secara aktif dalam pelbagai bentuk kerjasama dengan Kerajaan, terutamanya aktiviti binaupaya dan perkongsian pengetahuan. Sejak tahun 2009, Malaysia dan WBG telah menjalankan kerjasama dalam beberapa bentuk khidmat nasihat dalam pelbagai bidang kritikal untuk meningkatkan pembangunan negara melalui perjanjian Reimbursable Advisory Services. Sehingga bulan Ogos 2015, sejumlah 18 projek khidmat nasihat dalam pelbagai bidang, termasuk pengurusan ekonomi dan kewangan, pembangunan modal insan dan daya saing telah disiapkan. Sementara itu, enam projek dalam bidang seperti pengangkutan dan perlindungan sosial masih dalam pelaksanaan. WBG juga menerbitkan Malaysia Economic Monitor sebanyak dua kali setahun meliputi perkembangan ekonomi dan isu terkini dengan tema khusus untuk setiap laporan. Sehingga bulan Jun 2015, sejumlah 12 laporan telah diterbitkan. Tambahan pula, penubuhan Pejabat WBG di Kuala Lumpur pada bulan September 2015 dijangka mengukuhkan lagi hubungan erat yang terjalin di antara kedua-dua pihak.

Sisipan 1

Pejabat Kumpulan Bank Dunia di Malaysia

Pengenalan

Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Kewangan (MOF) dan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama Kumpulan Bank Dunia (WBG) telah menubuhkan Pejabat WBG di Sasana Kijang, Kuala Lumpur. Pejabat tersebut yang mula beroperasi pada bulan September 2015, menandakan satu pencapaian penting yang akan memperluas dan mengukuhkan lagi hubungan sedia ada antara Malaysia dan WBG. Penubuhan pejabat ini juga mengiktiraf kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi dan peranannya sebagai rakan kongsi dalam memacu pembangunan global.

Matlamat dan Objektif Penubuhan

Pejabat WBG di Kuala Lumpur akan berfungsi sebagai hab pengetahuan dan penyelidikan yang menggandingkan pakar tempatan dan WBG untuk menjalankan kajian ke atas dasar pembangunan. Pejabat ini akan menyediakan platform bagi Malaysia untuk berkongsi pengalaman dengan negara membangun lain, terutamanya di rantau Asia. Malaysia diiktiraf atas kemajuan dan kejayaan dalam perancangan dan pembangunan ekonomi,

pengurangan kadar kemiskinan, penyediaan perkhidmatan kewangan yang moden serta prestasi sektor awam. Kesemua ini akan menjadi bidang utama bagi perkongsian pengetahuan. Tambahan pula, pejabat ini akan menjalankan analisis data enterpris serta menyediakan sokongan analitikal dan operasi bagi penghasilan World Bank Doing Business Report secara tahunan, yang dirujuk secara meluas.

Selain meningkatkan kerjasama sedia ada antara kedua-dua pihak, pejabat ini dijangka mengukuhkan komitmen Malaysia ke arah inisiatif kerjasama Selatan-Selatan. Pada masa yang sama, penubuhan pejabat ini adalah sejajar dengan matlamat WBG untuk mempromosi kemakmuran bersama dan membasmi kemiskinan tegar di peringkat global.

Fungsi dan Operasi Pejabat

Pejabat di Kuala Lumpur ini akan dibiayai secara bersama oleh MOF, BNM dan WBG. Pejabat ini akan melaksanakan aktivitinya melalui pelbagai pendekatan, termasuk penyediaan nota dasar dan laporan, kajian, persidangan, seminar serantau dan bantuan teknikal. Dalam menjalankan aktivitinya bagi tempoh lima tahun pertama, sekurang-kurangnya 30 orang pegawai akan bertugas di pejabat ini. Jumlah ini termasuk pegawai WBG yang dilantik dari dalam dan luar negeri, pegawai Kerajaan Malaysia yang ditempatkan melalui program peminjaman serta kakitangan sokongan untuk membantu urusan pentadbiran dan operasi harian.

Kebaikan Kepada Malaysia

Malaysia tidak lagi meminjam daripada Bank Dunia sejak tahun 1999. Strategi ini adalah sebahagian daripada inisiatif penting untuk membangunkan pasaran modal tempatan dan mengurangkan risiko pertukaran mata wang asing. Walau bagaimanapun, negara terus mendapat manfaat daripada *reimbursable advisory services* yang ditawarkan oleh Bank tersebut dalam pelbagai bidang, termasuk produktiviti, pembangunan mapan, daya saing, pembangunan modal insan, pengurangan kadar kemiskinan dan pengurusan ekonomi. Melalui penubuhan Pejabat WBG di Kuala Lumpur, Malaysia boleh memanfaatkan pengetahuan dan kepakaran global WBG secara langsung untuk meningkatkan keupayaan negara yang merupakan elemen penting bagi transformasi ke arah ekonomi maju dan berpendapatan tinggi. Tambahan pula, kesediaan Malaysia untuk berkongsi pengalaman, kepakaran dan pengetahuan dengan negara membangun lain dalam bidang yang mana Malaysia telah mencapai prestasi mengagumkan akan meningkatkan lagi kedudukan negara ini sebagai rakan pembangunan global.

Selain itu, aktiviti perkongsian dan kerjasama yang bakal dilaksanakan oleh pejabat ini akan memperluas rangkaian Malaysia dengan institusi dan agensi antarabangsa. Usaha ini seterusnya akan membantu penyelidik tempatan untuk mengambil pendekatan serantau dan global dalam penyelidikan mereka. Interaksi pakar tempatan daripada institusi pengajian tinggi, kumpulan pemikir dan institusi penyelidikan dengan pakar global juga akan meningkatkan keupayaan mereka dalam bidang pembangunan serta menambah baik kualiti penyelidikan dan penggubalan dasar pembangunan di negara ini.

Di samping itu, penubuhan Pejabat WBG menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai persekitaran kondusif bagi operasi organisasi antarabangsa. Selain daripada mewujudkan peluang pekerjaan, penubuhan pejabat ini dijangka meningkatkan keyakinan peniaga dan pelabur terhadap ekonomi negara dan membantu menarik aliran masuk pelaburan asing yang lebih tinggi.

Kesimpulan

Penubuhan Pejabat WBG di Kuala Lumpur merupakan usaha sama penting yang akan mengukuhkan hubungan Malaysia dengan WBG. Negara juga bakal mendapat manfaat daripada pengetahuan dan pengalaman global yang disalurkan oleh WBG di bawah inisiatif ini, terutamanya dari segi pembangunan kapasiti dan penambahbaikan kualiti penyelidikan serta peningkatan aliran pengetahuan dan pakar melalui Malaysia. Tambahan pula, sebagai sebuah negara yang sedang menuju ke arah status ekonomi maju berpendapatan tinggi, adalah mustahak bagi Malaysia untuk mengukuhkan peranannya sebagai rakan kongsi pembangunan global yang efektif melalui pelbagai kaedah. Dalam hal ini, Pejabat WBG tersebut memberi peluang kepada Malaysia untuk berkongsi pelbagai pengalaman pembangunan, seterusnya mengukuhkan kerjasama dengan negara anggota WBG yang lain serta memanfaatkan rantau Asia secara keseluruhannya.

Sisipan 2

Asian Infrastructure Investment Bank

Pengenalan

Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB), ialah sebuah institusi kewangan pelbagai hala yang memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur di Asia. Objektif AIIB adalah untuk menyokong pembangunan ekonomi yang mampan melalui pelaburan infrastruktur. AIIB turut menggalakkan kerjasama serantau bagi menangani isu dan cabaran pembangunan dengan melengkapi peranan institusi pembangunan pelbagai hala dan serantau yang lain. Ibu pejabat AIIB akan ditubuhkan di Beijing.

Keanggotaan

Inisiatif menubuhkan AIIB telah diterajui oleh China dan keanggotaan dibuka kepada anggota International Bank for Reconstruction and Development (IBRD) atau Bank Pembangunan Asia (ADB). Lima puluh tujuh negara¹, termasuk Malaysia, telah bersetuju dengan Artikel Perjanjian (AoA) pada bulan Mei 2015, yang mana 52 negara telah menandatangani perjanjian tersebut pada akhir bulan September. Tarikh akhir untuk menandatangani AoA berkenaan adalah pada 31 Disember 2015, manakala negara anggota diberi masa sehingga 31 Disember 2016 untuk melengkapkan proses ratifikasi. AoA akan berkuat kuasa sebaik sahaja 10 negara anggota dengan pegangan saham berjumlah 50% telah melengkapkan ratifikasi tersebut. AIIB dijangka memulakan operasi menjelang akhir tahun 2015.

Struktur Modal dan Pembiayaan

AIIB mempunyai Modal Dibenarkan sebanyak USD100 bilion dan Modal Berbayar USD20 bilion dengan satu juta saham. Anggota dari negara serantau akan memegang 75% ekuiti, dengan China sebagai pemegang saham terbesar (29.8%), diikuti oleh India (8.4%) dan Rusia (6.5%). Modal pembiayaan AIIB diperolehi daripada sumbangan anggota dan pasaran modal. Modal ini akan digunakan untuk pinjaman, pelaburan ekuiti, jaminan kepada pinjaman dan pembiayaan bersama untuk pembangunan ekonomi serta penyediaan khidmat nasihat teknikal.

Tadbir Urus

AIIB akan ditadbir urus berdasarkan kepada prinsip perbankan setanding dengan amalan terbaik institusi kewangan pelbagai hala yang lain, di samping memastikan operasinya mematuhi dasar yang dipersetujui oleh Lembaga Gabenor. Struktur tadbir urus AIIB ini adalah sama dengan organisasi antarabangsa lain, yang merangkumi Lembaga Gabenor, Lembaga Pengarah, Presiden dan pengurusan. Setiap negara anggota akan diwakili dalam Lembaga Gabenor manakala Lembaga Pengarah akan terdiri daripada 12 orang anggota, yang mana sembilan daripadanya mewakili negara anggota serantau dan tiga anggota bukan serantau. Pada masa ini, Encik Jin Liqun dari China telah dipilih sebagai Presiden *designate* oleh anggota pengasas pada bulan Ogos 2015.

(Maklumat terperinci mengenai AIIB boleh dilayari di www.aiib.org)

¹ Serantau

Arab Saudi, Australia, Azerbaijan, Bangladesh, Brunei Darussalam, China, Emiriah Arab Bersatu, Filipina, Georgia, India, Indonesia, Iran, Israel, Jordan, Kazakhstan, Kemboja, Republik Korea, Republik Kyrgyz, Kuwait, Lao PDR, Malaysia, Maldives, Mongolia, Myanmar, Nepal, New Zealand, Oman, Pakistan, Qatar, Rusia, Singapura, Sri Lanka, Tajikistan, Thailand, Turki, Uzbekistan, Viet Nam.

Bukan Serantau

Afrika Selatan, Austria, Belanda, Brazil, Denmark, Finland, Iceland, Itali, Jerman, Luxembourg, Malta, Mesir, Norway, Perancis, Poland, Portugal, Sepanyol, Sweden, Switzerland, United Kingdom.

Di peringkat serantau, Malaysia mengambil giliran sebagai pengerusi **ASEAN** pada tahun 2015 dan meneruskan kerjasama erat dengan negara anggota untuk merealisasikan matlamat Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang akhir tahun 2015. Kerjasama dan integrasi kewangan melalui forum Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat merupakan komponen penting dalam AEC. Dua inisiatif utama forum ini adalah Kerjasama Kewangan ASEAN dan Pelan Hala Tuju bagi Penyepaduan Monetari dan Kewangan ASEAN (RIA-Fin). Kerjasama Kewangan ASEAN memberi tumpuan kepada pengawasan serantau, pembiayaan

infrastruktur serta kerjasama dalam bidang perkastaman, percukaian dan insurans. Inisiatif utama RIA-Fin termasuk liberalisasi perkhidmatan kewangan, pembangunan pasaran modal dan liberalisasi akaun modal serta integrasi sistem pembayaran dan penyelesaian di rantau ini. Kemajuan ketara telah dicapai dalam membangunkan pasaran modal serantau, yang mana pasaran bon ASEAN berkembang USD1.1 trilion. Sementara itu, inklusif kewangan diperakui sebagai dasar utama untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan ketidaksamaan.

Sisipan 3

Asean 2015: Kerjasama dan Integrasi Kewangan

Pengenalan

Pada tahun 2015, Malaysia mengambil giliran sebagai pengerusi ASEAN dengan tema berpaksikan rakyat, iaitu 'Rakyat Kita, Komuniti Kita, Wawasan Kita'. Mesyuarat ASEAN meliputi tiga tonggak, iaitu Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN. Sektor kewangan di bawah Komuniti Ekonomi telah diperkukuh dengan penglibatan semua Gabenor Bank Pusat ASEAN. Penglibatan Gabenor Bank Pusat ini menunjukkan pertalian yang kukuh antara peranan kementerian kewangan dan bank pusat seterusnya membawa kepada penganjuran Mesyuarat Bersama Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN yang pertama pada bulan Mac 2015.

Mesyuarat Bersama ini memberi tumpuan kepada usaha mempercepat kerjasama dan integrasi kewangan ke arah merealisasikan AEC menjelang akhir tahun 2015. Mesyuarat ini turut memberi penekanan kepada pembangunan pelan pasca 2015 bagi meningkatkan lagi Integrasi Kewangan. Pelan Integrasi Kewangan ASEAN Pasca 2015 yang berlandaskan tiga bidang utama, iaitu integrasi, kestabilan dan inklusif kewangan, telah dipersetujui semasa mesyuarat tersebut.

Dua bidang teras di bawah forum Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN adalah Kerjasama Kewangan dan Pelan Hala Tuju bagi Penyepaduan Monetari dan Kewangan ASEAN (RIA-Fin). Kerjasama Kewangan ASEAN memberi tumpuan kepada peningkatan pengawasan serantau, pembiayaan infrastruktur serta kerjasama dalam bidang perkastaman, percukaian dan insurans. RIA-Fin memberi tumpuan kepada aktiviti dan isu berkaitan liberalisasi perkhidmatan kewangan, liberalisasi akaun modal, pembangunan pasaran modal, sistem pembayaran dan penyelesaian dan integrasi perbankan serta inklusif kewangan. Beberapa jawatankuasa di bawah kedua-dua bidang teras ini berusaha memperkukuh daya tahan ASEAN dalam menangani perubahan keadaan pasaran dan potensi kejutan luaran.

Kerjasama Kewangan

Dana Infrastruktur ASEAN

Dana Infrastruktur ASEAN (AIF) telah ditubuhkan pada tahun 2012 bagi membiayai projek infrastruktur, meningkatkan kesalinghubungan dan mengurangkan jurang pembangunan di rantau ini. ADB berperanan mentadbir dana dan membiaya bersama projek AIF. Pada masa ini, Malaysia adalah pengerusi AIF bagi tempoh dua tahun bermula bulan Mei 2015. Negara anggota ASEAN dan ADB telah membuat sumbangan ekuiti, berjumlah USD485.3 juta. Operasi pinjaman AIF bermula pada akhir tahun 2013 dengan pembiayaan projek transmisi kuasa dan projek bekalan air bersih di Indonesia serta projek *power interconnection* di Viet Nam pada tahun 2014.

ASEAN Single Window

Di bawah kerjasama perkastaman, Protocol on the Legal Framework to Implement the ASEAN Single Window (PLF-ASW) yang mengikat dan lebih komprehensif telah ditandatangani pada bulan Mac 2015. ASEAN Single Window (ASW) meliputi kemudahan serantau bagi membolehkan kelancaran, keseragaman, keharmonian laluan serta komunikasi bagi maklumat berkaitan perdagangan dan perkastaman untuk pelepasan. PLF-ASW akan mempercepat pelaksanaan inisiatif ASW dalam memudahkan lagi perdagangan barangan. Tambahan pula, Perjanjian ASEAN mengenai Kastam telah berkuatkuasa pada bulan November 2014 dan akan terus menyokong lagi pergerakan bebas barangan di rantau ini.

Percukaian

Forum Percukaian ASEAN meneruskan usaha untuk melengkapkan rangkaian perjanjian cukai dua hala. Sementara itu, beberapa negara anggota ASEAN telah mula melaksanakan pertukaran maklumat bagi tujuan percukaian selaras dengan piawaian antarabangsa dan meningkatkan keupayaan anggota dalam

pentadbiran cukai. Forum ini akan menjalankan beberapa kajian kemungkinan mengenai Nombor Identiti Pembayar Cukai Global, Base Erosion and Profit Shifting serta meneroka langkah bagi kerjasama seterusnya dalam bidang cukai.

Insurans

Mesyuarat Pengawal Selia Insurans ASEAN (AIRM) adalah platform untuk pesuruhjaya insurans berbincang dan bertukar pandangan mengenai insurans serantau dan pembangunan penyeliaan serta isu yang dapat meningkatkan penawaran insurans. AIRM menggunakan prinsip teras Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa dalam membangunkan kerangka pengawalan dan penyeliaan di negara anggota ASEAN. AIRM terus membina upaya pengawal selia insurans dengan menyediakan latihan dan menjalankan penyelidikan. Kemajuan juga telah dibuat dalam bidang Pembiayaan Risiko Bencana dan Insurans ASEAN (DRFI) untuk menggubal dasar dan mewujudkan persekitaran institusi bagi pembiayaan risiko dan insurans di negara anggota ASEAN.

Pelan Hala Tuju bagi Penyepaduan Monetari dan Kewangan ASEAN (RIA-Fin)

Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan

Jawatankuasa Kerja Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan (WC-FSL) bermatlamat untuk terus meliberalisasikan perkhidmatan kewangan di ASEAN. Protokol untuk Melaksanakan Pakej Keenam Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan di bawah Perjanjian Kerangka Perkhidmatan ASEAN (AFAS) yang ditandatangani pada bulan Mac 2015 mencerminkan komitmen negara anggota ASEAN untuk meliberalisasikan perkhidmatan kewangan secara berperingkat. Bidang yang diliberalisasi termasuk subsektor perbankan, insurans dan pasaran modal seperti lesen baharu, cawangan baharu bank, siling ekuiti lebih tinggi dan pergerakan ekspatriat profesional. Pakej Keenam tersebut turut mengandungi peruntukan yang membolehkan pelaksanaan Kerangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF). ABIF menyediakan akses pasaran yang lebih luas dan fleksibiliti operasi secara dua hala untuk bank ASEAN yang diiktiraf bagi memudahkan perdagangan dan pelaburan serantau. Pada masa ini, Protokol bagi Melaksanakan Pakej Ketujuh masih dalam rundingan.

Liberalisasi Akaun Modal

Jawatankuasa Kerja Liberalisasi Akaun Modal (WC-CAL) berusaha mencapai pergerakan modal yang lebih lancar bagi memudahkan aktiviti pelaburan, perdagangan dan perniagaan di rantau ini serta mengintegrasikan pasaran ASEAN dengan ekonomi global. WC-CAL telah menyempurnakan penilaian ke atas tahap keterbukaan dan sentiasa memantau dan mengemaskini kemajuan liberalisasi akaun modal bagi memudahkan penubuhan AEC. Dialog dasar juga sentiasa dijalankan bagi memastikan keupayaan dan kesediaan negara anggota ASEAN untuk liberalisasi akaun modal serta memelihara kestabilan keseluruhan ekonomi dan kewangan di rantau ini.

Pembangunan Pasaran Modal

Jawatankuasa Kerja Pembangunan Pasaran Modal (WC-CMD) bermatlamat untuk mencapai kolaborasi antara pelbagai pasaran modal di rantau ini. Kemajuan pembangunan pasaran modal negara anggota ASEAN dipantau dengan menggunakan Kad Skor Pembangunan Pasaran Bon ASEAN yang menilai akses pasaran dan ketelusan penerbit dan pelabur. WC-CMD terus meningkat dan mengukuhkan inisiatif pasaran bon melalui pembinaan kapasiti dan penyediaan infrastruktur bagi pembangunan pasaran modal ASEAN.

Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) memberi tumpuan kepada pengukuhan integrasi pasaran modal serantau melalui inisiatif penting seperti ASEAN Disclosure Standard untuk ekuiti dan hutang, Expedited Review Framework for Secondary Listings, ASEAN Trading Link dan inisiatif ASEAN Corporate Governance. Pelaksanaan ASEAN Framework for Cross-border Offerings of Collective Investment Scheme (CIS) pada bulan Ogos 2014 membolehkan penawaran produk CIS antara negara yang telah menandatangani kerangka ini.

Malaysia, Singapura dan Thailand telah menandatangani Memorandum Persefahaman pada bulan Mac 2015 bagi mewujudkan satu kerangka, iaitu Streamlined Review Framework for the ASEAN Common Prospectus yang telah dilaksanakan melalui pelancaran buku panduan pada bulan September 2015.

Inklusif Kewangan

Menyedari kepentingan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi menggalakkan pertumbuhan menyeluruh, inklusif kewangan telah diperakui sebagai dasar utama untuk ASEAN. Inklusif kewangan menyediakan akses perkhidmatan kewangan formal untuk semua lapisan masyarakat bagi membolehkan golongan isi rumah mudah terjejas untuk mendapatkan pinjaman dan mempunyai simpanan di bawah skim khas. Inisiatif ini juga memudahkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang serta menjana pendapatan yang lebih tinggi. Dianggarkan seramai 300 juta orang dewasa tidak mempunyai akaun bank dan sebanyak 45 juta PKS menghadapi kesukaran untuk mengakses kemudahan pembiayaan. Dalam hal ini, satu jawatankuasa kerja akan ditubuh untuk membincang dan menyelaraskan usaha bagi meningkatkan inklusif kewangan di rantau ASEAN.

Kesimpulan

Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN komited untuk bekerjasama bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kewangan di rantau ini dalam keadaan persekitaran luaran yang semakin mencabar. Pelan Integrasi Kewangan ASEAN Pasca 2015 akan dimasukkan ke dalam kerangka AEC Blueprint 2025 untuk dipersetujui oleh pemimpin ASEAN pada bulan November 2015. Pencapaian ASEAN dapat memberi lebih manfaat dan kerjasama erat untuk diperkukuh dan diteruskan oleh Lao PDR, sebagai pengerusi ASEAN pada tahun 2016.

Proses **ASEAN+3** diteruskan dengan usaha mengukuhkan kerjasama kewangan di rantau ini. Pada tahun 2015, Malaysia dan ROK adalah pengerusi bersama Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 (AFMGM+3) serta mesyuarat berkaitan. Mesyuarat AFMGM+3 telah diadakan di Baku, Azerbaijan pada bulan Mei. Selain itu, mesyuarat di peringkat kumpulan kerja dan pegawai kanan turut diadakan di Malaysia, ROK dan China.

Mesyuarat terus memberi tumpuan kepada Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM), ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO) dan Asian Bond Markets Initiative (ABMI). Perjanjian CMIM yang dimantapkan telah berkuat kuasa mulai bulan Julai 2014. Perkara yang dimantapkan termasuk penggandaan saiz rizab terkumpul kepada USD240 bilion dan pengenalan kemudahan pencegahan krisis. Sementara itu, usaha berterusan dalam mengadakan CMIM Test Runs bagi pelbagai senario, serta menambah baik CMIM Operational Guidelines turut dijalankan. Mesyuarat juga terus memberi tumpuan untuk membangunkan penunjuk tambahan bagi Economic Review and Policy Dialogue Matrix, yang terdiri daripada penunjuk utama ekonomi dan kewangan serta penunjuk khusus untuk negara anggota.

Perjanjian menaik taraf AMRO daripada syarikat berhad sebagai sebuah organisasi antarabangsa telah dimeterai pada bulan Oktober 2014. Perjanjian berkenaan akan lebih

memperkasa peranan AMRO dan seterusnya mengukuhkan fungsi AMRO sebagai sebuah unit pengawasan ekonomi makro serantau bagi CMIM. Pada masa ini, negara anggota sedang dalam proses meratifikasi perjanjian yang akhirnya akan mengiktiraf AMRO sebagai sebuah organisasi antarabangsa. Hasil ratifikasi ini akan memberi status perundangan, keistimewaan dan kekebalan kepada AMRO untuk menjalankan kerja pengawasan secara lebih berkesan. Sementara itu, ABMI meneruskan usaha untuk mengukuhkan inisiatif sedia ada, termasuk Credit Guarantee and Investment Facility, ASEAN+3 Multi-Currency Bond Issuance Framework dan Cross-Border Settlement Infrastructure Forum.

Filipina menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Ke-22 Menteri Kewangan **Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik** (APEC) yang telah diadakan pada bulan September 2015 bertemakan "Building Inclusive Economies, the Road to Financial Resilience". Agenda utama mesyuarat adalah Cebu Action Plan (CAP), iaitu sebuah pelan hala tuju untuk tempoh 10 tahun. Pelan tersebut telah dilancarkan semasa Mesyuarat Menteri Kewangan APEC, dengan matlamat untuk membina komuniti APEC yang lebih bersepadu, telus, berdaya tahan dan saling berkait dari segi kewangan. Pelan ini juga bertujuan untuk mempromosi penyelarasan yang lebih baik dari segi dasar, peraturan dan amalan ekonomi APEC bagi menyokong pertumbuhan kukuh, mapan, inklusif dan seimbang di rantau ini.

CAP terdiri daripada empat tonggak dan setiap satu mempunyai cadangan inisiatif serta keberhasilan bagi memanfaatkan ekonomi APEC. Tonggak pertama, menggalakkan integrasi kewangan, bertujuan meningkatkan akses pasaran bagi perdagangan dan pelaburan serantau. Tonggak ini juga menjadi pemangkin inisiatif lain yang terdapat di dalam CAP seperti mengembangkan inklusif kewangan, mengukuhkan pembangunan sektor kewangan dan meningkatkan pembiayaan infrastruktur. Tonggak kedua, memajukan pembaharuan dan ketelusan fiskal, antara lain, memberi tumpuan kepada pembaharuan untuk meningkatkan tadbir urus dan ketelusan serta mengukuhkan pengurusan kewangan awam. Tonggak ketiga, meningkatkan daya tahan kewangan, melibatkan penyediaan keupayaan fiskal yang mencukupi dan pengukuhan pasaran kewangan untuk menyerap kejutan ekonomi dengan lebih berkesan. Tonggak keempat, mempercepat pembangunan dan pembiayaan infrastruktur, bertujuan untuk menyokong pembangunan infrastruktur berkualiti melalui pembiayaan yang efektif.

Selaku pengerusi ASEAN, Malaysia telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat Kumpulan 20 **(G20)** pada tahun 2015. G20 adalah forum utama yang disertai oleh ekonomi maju dan pasaran pesat berkembang terbesar di dunia, mewakili 85% daripada output global, 80% daripada perdagangan dunia dan dua pertiga penduduk dunia. Forum ini bertujuan untuk berbincang dan bekerjasama mengenai isu ekonomi dan kewangan antarabangsa bagi menyumbang kepada ekonomi global yang seimbang dan mapan. Tambahan pula, G20 turut menerima nasihat teknikal dan input daripada pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti IMF, WBG, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Bank for International Settlements (BIS) dan Financial Services Board (FSB).

Pada tahun 2015, G20 yang dipengerusikan oleh Turki menumpukan inisiatif bagi memastikan pertumbuhan menyeluruh dan teguh melalui tindakan kolektif serta mengutamakan tiga "I" iaitu Keterangkuman (*Inclusiveness*), Pelaksanaan (*Implementation*) dan Pelaburan untuk Pertumbuhan (*Investment for Growth*). Dalam hal ini, Menteri Kewangan dan Gabenor G20 telah bertukar pandangan mengenai perkembangan ekonomi global, menyemak semula strategi untuk memupuk pertumbuhan kukuh dan mapan serta menilai strategi pelaburan. Mesyuarat juga membincangkan isu arkitektur kewangan antarabangsa, peraturan kewangan, agenda cukai antarabangsa dan pembiayaan berkaitan perubahan iklim. Hasil dan keputusan mesyuarat akan dibentangkan untuk dipersetujui semasa Sidang Kemuncak Pemimpin G20 di Antalya pada bulan November 2015.

Prospek 2016

Prospek pertumbuhan lebih baik

KDNK global pada tahun 2016 diunjur mencatat pertumbuhan lebih baik pada 3.6% (2015: 3.1%), disumbang oleh peningkatan prestasi di ekonomi maju serta keadaan ekonomi semakin baik di pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun. Bagi ekonomi maju, pertumbuhan KDNK dijangka meningkat 2.2% (2015: 2%), dengan AS menerajui pertumbuhan pada 2.8% (2015: 2.6%) dan kawasan euro pada 1.6% (2015: 1.5%). Pengembangan di AS akan disokong oleh penggunaan dan pelaburan yang kukuh. Pertumbuhan di kawasan euro dijangka terus meningkat lanjutan daripada langkah yang diambil untuk menyokong pemulihan ekonomi, termasuk pengembangan dasar monetari, pembaharuan pasaran buruh dan penambahbaikan pendekatan fiskal. Sementara itu, ekonomi UK dijangka berkembang 2.2% (2015: 2.5%), disokong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang berdaya tahan. Penggunaan swasta dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, dengan kewujudan lebih banyak peluang pekerjaan, manakala pelaburan perniagaan terus meningkat. Jepun dijangka berkembang sederhana pada 1% (2015: 0.6%), disokong oleh dasar monetari lebih akomodatif, yang dijangka merangsang penggunaan dan pelaburan swasta. Kenaikan cukai penggunaan yang asalnya dirancang pada bulan Oktober 2015 telah ditunda ke bulan April 2017 dan ini akan membantu menstabilkan sentimen pengguna.

Pertumbuhan KDNK di pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun diunjur meningkat kepada 4.5% (2015: 4%) disebabkan pertumbuhan sederhana di China, pengembangan stabil di India serta peningkatan dalam beberapa ekonomi ASEAN. KDNK China dijangka meningkat dengan kadar lebih perlahan kepada 6.3% (2015: 6.8%), terutamanya disebabkan oleh aktiviti pelaburan sektor hartanah kediaman yang semakin lemah. Pertumbuhan di India dijangka meningkat secara marginal pada 7.5% (2015: 7.3%) hasil daripada langkah liberalisasi pelaburan. Sementara itu, KDNK Rusia dan Brazil dijangka bertambah baik pada -0.6% dan -1% (2015: -3.8%; -3%), walaupun masih dalam kemelesetan. Pertumbuhan di negara utama ASEAN dijangka bertambah baik, yang mana Indonesia dianggar berkembang 5.1% (2015: 4.7%) lanjutan daripada pemulihan eksport dan pelaburan, manakala Thailand mencatat prestasi lebih baik pada 3.2% (2015: 2.5%) lanjutan daripada pelaburan awam yang lebih tinggi.

Prospek tahun 2016 bergantung kepada risiko yang berpunca daripada langkah normalisasi dasar monetari di AS, peningkatan berterusan nilai dolar AS, harga minyak dan komoditi lain yang terus rendah, kebimbangan

mengenai jangkaan pertumbuhan yang lebih perlahan di China serta ketegangan geopolitik. Faktor masa, magnitud dan kekerapan untuk menaikkan kadar faedah di AS ke paras normal boleh memberi kesan buruk kepada pasaran perumahan, melemahkan eksport serta menyebabkan lebih volatiliti dalam pasaran kewangan global. Dolar AS yang lebih kukuh menimbulkan risiko pembiayaan bagi pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun, terutamanya bagi hutang berdenominasi dolar AS. Harga minyak dan komoditi lain yang lebih rendah boleh menjejaskan lagi pertumbuhan pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun yang bergantung kepada eksport komoditi. Kesan pertumbuhan lebih perlahan di China pula boleh memudaratkan negara yang mempunyai hubungan perdagangan dan pelaburan yang rapat dengan negara tersebut. Selain itu, keadaan ketegangan

geopolitik di Ukraine, Timur Tengah dan beberapa negara di benua Afrika boleh menjejaskan pengembangan ekonomi global.

Inflasi global dijangka meningkat pada kadar sederhana. Inflasi ekonomi maju dijangka meningkat 1.2% (2015: 0.3%) disebabkan langkah rangsangan ekonomi mula memberi kesan dan penggunaan swasta berkembang. Bagi pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun, inflasi dianggar lebih rendah pada 5.1% (2015: 5.6%) disumbang oleh penurunan harga minyak dan komoditi. Perdagangan dunia diunjur meningkat kepada 4.1% (2015: 3.2%) disebabkan jangkaan pertumbuhan lebih baik di ekonomi maju serta di pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun.

Sisipan 4

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-European Free Trade Association (MEEPA)

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-European Free Trade Association (EFTA) atau MEEPA¹ merupakan perjanjian perkongsian ekonomi yang memberi fokus kepada elemen penting dalam kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH) serta pembangunan kapasiti, selain liberalisasi. Rundingan telah bermula pada bulan Mac 2014 di Geneva dengan rundingan pusingan kelima berlangsung pada bulan Oktober 2015. Rundingan selanjutnya akan diteruskan pada tahun hadapan. Bidang rundingan antaranya meliputi perdagangan barangan dan perkhidmatan, pelaburan, hak harta intelek, persaingan serta kerjasama dan pembangunan kapasiti.

Negara EFTA merupakan rakan dagang penting serta sumber pelaburan berimpak tinggi dan meningkatkan nilai ditambah kepada Malaysia. Perdagangan dua hala antara Malaysia dan negara EFTA meningkat 35.1% kepada USD2.6 bilion pada tahun 2014 (2013: USD1.9 bilion) dengan Switzerland menyumbang 80% kepada jumlah dagangan. FDI yang diluluskan dari negara EFTA terutamanya dari Switzerland dan Norway telah mencatat USD1.7 bilion pada tahun 2014 (2013: USD1.3 bilion).

Perjanjian perkongsian ekonomi dengan negara EFTA akan meningkatkan akses pasaran bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia. Tambahan pula, MEEPA akan mewujudkan persekitaran yang lebih telus dan stabil bagi pelabur, seterusnya meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan hab pengeluaran. Di bawah kerjasama ECOTECH, Malaysia akan mendapat manfaat daripada pembangunan kapasiti, bantuan teknikal dalam sektor perkhidmatan dan penetapan piawaian dalam bidang berteknologi tinggi. Sementara itu, negara EFTA akan mendapat manfaat daripada MEEPA antaranya melalui akses pasaran yang lebih luas ke Malaysia dan seterusnya ke rantau ASEAN. Malaysia juga mempunyai kepelbagaian ekonomi, sektor berteknologi tinggi yang kukuh, iklim pelaburan yang menggalakkan serta tenaga kerja mahir dan separa mahir yang besar.

Namun begitu, masih terdapat cabaran yang perlu dihadapi dalam rundingan MEEPA kerana tahap pembangunan yang berbeza antara Malaysia dan negara EFTA. Kedua-dua pihak akan terus berusaha untuk mencari penyelesaian bagi manfaat bersama. Perjanjian ini dipercayai dapat meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan negara EFTA.

¹ perjanjian perdagangan bebas antara Malaysia dengan empat negara EFTA iaitu Iceland, Liechtenstein, Norway dan Switzerland.

